

# PENGIKLANAN MYFUTUREJOBS BAGI PENGGAJIAN PEGAWAI DAGANG (EKSPATRIAT)

DI SEMENANJUNG MALAYSIA DAN WILAYAH PERSEKUTUAN



## 1 Siapakah "pegawai dagang" atau ekspatriat yang tertakluk di bawah syarat pengiklanan di Portal MYFutureJobs oleh PERKESO?

- “Pegawai dagang” atau “ekspatriat” yang tertakluk di bawah syarat pengiklanan di Portal MYFutureJobs oleh PERKESO ialah pekerja bukan warganegara yang ingin digajikan oleh majikan di bawah kategori Pas Penggajian (*Employment Pass*) yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).

## 2 Apakah syarat yang perlu dipatuhi oleh majikan bagi melaksanakan penggajian ekspatriat?

- Berkuat kuasa 1 Januari 2025, mana-mana majikan yang ingin menggaji pekerja bukan warganegara, termasuklah ekspatriat hendaklah mengiklankan kekosongan jawatan sekurang-kurangnya tujuh (7) hari di Portal MYFutureJobs, di bawah Kementerian Sumber Manusia (KESUMA).
- Majikan juga dikehendaki melaksanakan program lokalisasi iaitu aktiviti temu duga bagi mengutamakan calon tempatan sebelum jawatan tersebut diisi oleh ekspatriat.
- Walau bagaimanapun, terdapat jenis-jenis jawatan ekspatriat yang dikecualikan daripada syarat pelaksanaan ini seperti di **Jawapan No. 20**.

## 3 Apakah itu Program Lokalisasi PERKESO?

- Program lokalisasi adalah program temu duga yang dijalankan kepada calon tempatan untuk mengisi jawatan ekspatriat. Program ini bagi memastikan majikan mengutamakan calon tempatan.
- PERKESO turut membantu majikan dalam melaksanakan aktiviti temu duga dan juga menyalurkan calon tempatan yang bersesuaian dengan jawatan yang diiklankan oleh majikan.

## 4 Apakah portal yang akan diguna pakai oleh majikan bagi tujuan pengiklanan jawatan kosong?

- Majikan wajib mengiklankan kekosongan jawatan di Portal MYFutureJobs melalui pautan [www.myfuturejobs.gov.my](http://www.myfuturejobs.gov.my).
- Majikan dikehendaki mengisi semua maklumat kekosongan jawatan termasuk nama jawatan, kelayakan akademik yang diperlukan serta maklumat gaji sebenar yang merangkumi gaji pokok dan elaun tambahan sekiranya ada.
- Selain itu, majikan juga dikehendaki mengisi maklumat berkaitan deskripsi tugas yang jelas yang menerangkan skop kerja, kemahiran dan kompetensi yang diperlukan bagi setiap iklan yang dipaparkan di Portal MYFutureJobs.

## 5 Apakah tanggungjawab pihak majikan sebelum membuat permohonan penggajian pegawai dagang?

- Majikan hendaklah telah berdaftar dan mencarum dengan PERKESO.

# PENGIKLANAN MYFUTUREJOBS BAGI PENGGAJIAN PEGAWAI DAGANG (EKSPATRIAT)

DI SEMENANJUNG MALAYSIA DAN WILAYAH PERSEKUTUAN



## 6 Apakah standard pematuhan pengiklanan yang perlu dipatuhi oleh pihak majikan?

- Setiap pengiklanan di Portal MYFutureJobs tertakluk bagi satu (1) jenis jawatan sahaja. Majikan tidak dibenarkan mengiklankan pelbagai jawatan dalam satu pengiklanan. Contoh dibenarkan ialah *Senior Human Resource Executive* manakala, contoh tidak dibenarkan ialah *Senior Human Resource Executive/ Human Resource Manager*.
- Nama jawatan yang diiklankan mestilah selaras dan sama seperti nama jawatan yang akan dimohon oleh majikan kepada Agensi Pelulus yang berkaitan dan Jabatan Imigresen Malaysia. Sebarang perbezaan nama jawatan akan merumitkan proses permohonan majikan di Agensi Pelulus dan Jabatan Imigresen Malaysia kerana nama jawatan berbeza dengan pengiklanan di Portal MYFutureJobs.
- Majikan perlu mengisi maklumat deskripsi tugas yang lengkap termasuklah keperluan kemahiran khusus dan keperluan bahasa asing (sekiranya ada) dengan terperinci bagi menerangkan skop tugas jawatan yang diiklankan di Portal MYFutureJobs.
- Semua maklumat mandatori pengiklanan di Portal MYFutureJobs hendaklah dilengkapkan. Manual pengguna bagi pengiklanan boleh diakses melalui laman web rasmi PERKESO di [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my)
- Majikan perlu melengkapkan semua indikator pengiklanan sebagai pra-syarat bagi penggajian ekspatriat seperti berikut:
  - i. Memilih “*expatriate application*”;
  - ii. Mengisi bilangan kekosongan yang betul di ruangan “*Expatriate*”
  - iii. Mengisi maklumat gaji sebenar iaitu gaji pokok bersama elaun tambahan sekiranya ada;
  - iv. Melengkapkan tahun pengalaman bagi jawatan tersebut
- Kegagalan majikan untuk melengkapkan indikator tersebut akan menyebabkan data pengiklanan dan permohonan tidak dapat diproses oleh pihak PERKESO.
- Pengiklanan kekosongan jawatan mestilah melalui akaun syarikat majikan yang memohon bagi penggajian ekspatriat itu. Pengiklanan jawatan menggunakan akaun MYFutureJobs syarikat lain atau ejen adalah **TIDAK DIBENARKAN** kerana sebarang kelulusan yang dikeluarkan adalah atas nama syarikat yang mengiklankan kekosongan jawatan tersebut

## 7 Apakah tanggungjawab majikan setelah mengiklankan jawatan kosong di Portal MYFutureJobs?

- Majikan wajib melaksanakan temu duga bersama PERKESO bagi kekosongan jawatan ekspatriat yang telah diiklankan.
- Walau bagaimanapun, majikan juga dibenarkan untuk melaksanakan sesi temu duga secara inisiatif sendiri. Majikan hendaklah membuat pemakluman bertulis melalui e-mel kepada Pegawai PERKESO yang telah ditugaskan **sekurang-kurangnya lima (5) hari sebelum tarikh temu duga dijalankan**.

# PENGIKLANAN MYFUTUREJOBS BAGI PENGGAJIAN PEGAWAI DAGANG (EKSPATRIAT)

DI SEMENANJUNG MALAYSIA DAN WILAYAH PERSEKUTUAN



- Bagi temu duga bersama PERKESO atau pelaksanaan sesi temu duga secara inisiatif sendiri, pegawai PERKESO akan membantu majikan untuk membuat temu duga atau menyalurkan calon yang bersesuaian dengan jawatan dan mengesahkan pelaksanaan sesi temu duga tersebut.
- Sebagai perancangan awal, majikan juga digalakkan untuk membuat aktiviti temu duga dalam tempoh satu (1) bulan awal sebelum perancangan bagi mengemukakan permohonan penggajian ekspatriat.

## **8 Berapa lama tempoh yang boleh diambil majikan untuk melaksanakan program lokalisasi?**

- Tempoh pengiklanan yang dibenarkan adalah **sekurang-kurangnya tujuh (7) hari** di Portal MYFutureJobs. Temu duga masih boleh dilaksanakan walaupun tempoh 7 hari pengiklanan telah tamat.
- Majikan hendaklah mematuhi keperluan untuk melaksanakan program lokalisasi iaitu aktiviti temu duga bersama calon tempatan sebelum memuat naik Laporan Pengambilan Pekerja untuk mendapatkan Surat Perakuan Pengiklanan MYFutureJobs.
- Majikan juga bertanggungjawab untuk mengambil langkah wajar bagi memastikan sesi temu duga dijalankan secara teliti dan berobjektif, agar usaha pengambilan bakat tempatan dapat dilaksanakan dengan berkesan.

## **9 Apakah bantuan yang boleh diperolehi daripada PERKESO bagi majikan yang ingin mendapatkan bakat tempatan?**

- Majikan boleh menghubungi pejabat PERKESO yang berdekatan di setiap negeri atau Pegawai PERKESO yang ditugaskan untuk mendapatkan bantuan carian bakat tempatan dan pelaksanaan temu duga.
- Pegawai PERKESO akan menghubungi majikan bagi menawarkan perkhidmatan pelaksanaan temu duga bakat tempatan selepas pengiklanan kekosongan jawatan bagi permohonan penggajian ekspatriat dibuat melalui Portal MYFutureJobs.

# PENGIKLANAN MYFUTUREJOBS BAGI PENGGAJIAN PEGAWAI DAGANG (EKSPATRIAT)

DI SEMENANJUNG MALAYSIA DAN WILAYAH PERSEKUTUAN



## 10 Apakah langkah yang perlu dilaksanakan oleh majikan bagi penggajian ekspatriat setelah iklan dan aktiviti temu duga kekosongan jawatan dilaksanakan?

- Majikan perlu melengkapkan **Laporan Pengambilan Pekerja Tempatan** bagi setiap aktiviti temu duga yang dijalankan mengikut jawatan yang diiklankan, dan laporan tersebut hendaklah disahkan oleh Pegawai PERKESO.
- Majikan perlu memastikan butiran dalam **Laporan Pengambilan Pekerja Tempatan** adalah lengkap dan ditandatangani berserta cop rasmi syarikat oleh Ketua Pegawai Eksekutif / Pengarah Urusan / Pengurus Besar / Pengurus
- Majikan boleh memuat naik Laporan Pengambilan Pekerja Tempatan melalui Portal MYFutureJobs **selepas tujuh (7) hari** dari tarikh pengiklanan jawatan di portal berkenaan.
- Majikan tidak perlu menghantar **Laporan Pengambilan Pekerja Tempatan** melalui e-mel sekiranya laporan tersebut telah dimuat naik ke portal.
- Setiap permohonan akan dipertimbangkan berdasarkan tempoh pengiklanan kekosongan jawatan di Portal MYFutureJobs serta aktiviti temu duga yang dijalankan untuk mendapatkan bakat tempatan.
- Kelulusan daripada PERKESO akan diberikan berdasarkan usaha pengambilan bakat tempatan yang bersesuaian. Keputusan permohonan akan dimaklumkan melalui Surat Perakuan Pengiklanan yang akan dikemukakan kepada majikan melalui e-mel rasmi [papd@perkeso.gov.my](mailto:papd@perkeso.gov.my) dalam **tempoh tiga (3) hari bekerja** selepas permohonan lengkap diterima oleh PERKESO.
- Sekiranya **Laporan Pengambilan Pekerja Tempatan** didapati mengandungi maklumat yang tidak lengkap dan tidak tepat, pihak PERKESO berhak untuk tidak memproses atau memberikan pengesyoran bagi permohonan tersebut.

# PENGIKLANAN MYFUTUREJOBS BAGI PENGGAJIAN PEGAWAI DAGANG (EKSPATRIAT)

DI SEMENANJUNG MALAYSIA DAN WILAYAH PERSEKUTUAN



## Contoh: Senario 1

Syarikat ABC Sdn Bhd bercadang ingin menggajikan ekspatriat bagi jawatan Software Engineer yang bergaji RM 15,000. Namun begitu, pihak syarikat tidak perlu melalui proses pengiklanan di Portal MYFutureJobs dan boleh terus mengemukakan permohonan di ESD (Xpats Gateway). Hal ini kerana jawatan tersebut dikategorikan sebagai pengecualian automatik. Antara jawatan yang diberi pengecualian automatik dan tidak memerlukan surat sokongan daripada pihak PERKESO adalah seperti di dalam **Jawapan No. 20**.

## Contoh: Senario 2

Syarikat ABC Sdn Bhd bercadang untuk menggajikan ekspatriat bagi jawatan Senior Engineer yang bergaji RM 8000. Pihak syarikat perlu melalui proses pengiklanan di Portal MYFutureJobs dan pada masa yang sama pihak syarikat boleh mengemukakan permohonan kepada Agensi Pelulus melalui ESD (Xpats Gateway).

### Tempoh majikan mengemukakan Laporan Pengambilan Pekerja Tempatan (7hari)



Laporan Pengambilan Pekerja Tempatan yang disahkan oleh Pegawai PERKESO perlu dimuat naik melalui Portal MYFutureJobs setelah selesai menjalankan temu duga (Hari ke - 8)

# PENGIKLANAN MYFUTUREJOBS BAGI PENGGAJIAN PEGAWAI DAGANG (EKSPATRIAT)

DI SEMENANJUNG MALAYSIA DAN WILAYAH PERSEKUTUAN



**11 Apakah tindakan yang boleh diambil oleh PERKESO sekiranya didapati maklumat yang diterima pada Laporan Pengambilan Pekerja Tempatan adalah meragukan atau tidak benar ataupun palsu?**

- PERKESO boleh mengambil tindakan seperti berikut:
  - i. Menolak semua permohonan penggajian ekspatriat yang dikemukakan oleh majikan;
  - ii. Menarik balik kelulusan dan membatalkan semua Surat Perakuan Pengiklanan MYFutureJobs yang telah dikeluarkan kepada majikan melalui e-mel;
  - iii. Menggantung atau menangguhkan semua permohonan ekspatriat sehingga pemeriksaan oleh pihak inspektorat diselesaikan;
  - iv. Mengambil tindakan undang-undang menerusi laporan kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau mana-mana pihak autoriti lain yang bersesuaian.

**12 Apakah perubahan baru berkaitan Surat Perakuan Pengiklanan MYFutureJobs selepas pengintegrasian Portal MYFutureJobs dan Sistem MyXpats (Xpats Gateway)?**

- Majikan yang berurusan dengan menggunakan sistem XPATS Gateway tidak perlu memuat naik Surat Perakuan Pengiklanan MYFutureJobs di sistem XPATS Gateway bagi tujuan permohonan penggajian ekspatriat.
- Surat Perakuan Pengiklanan MYFutureJobs akan dihantar secara automatik ke dalam sistem XPATS Gateway setelah selesai semakan di peringkat PERKESO.
- Walaubagaimanapun, majikan-majikan yang memerlukan kelulusan daripada Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) dan Iskandar Regional Development Authority (IRDA) masih perlu mendapatkan Surat Perakuan Pengiklanan MYFutureJobs yang akan dihantar oleh PERKESO kepada pihak majikan melalui e-mel rasmi [papd@perkeso.gov.my](mailto:papd@perkeso.gov.my).
- Namun begitu, majikan juga masih boleh memuat turun Surat Perakuan Pengiklanan di Portal MYFutureJobs sekiranya diperlukan sebelum mengemukakan permohonan kepada Agensi Pelulus yang berkaitan.

**13 Adakah tindakan dan usaha penempatan bakat tempatan yang disahkan oleh PERKESO akan mempengaruhi keputusan permohonan penggajian ekspatriat?**

- Ya. Pihak PERKESO akan mempertimbang setiap permohonan majikan berdasarkan hasil usaha yang telah dilaksanakan samada secara kerjasama dengan PERKESO atau atas inisiatif sendiri bagi pengambilan bakat tempatan.
- Walaubagaimanapun, permohonan tidak akan dipertimbangkan sekiranya majikan tidak melaksanakan sesi temu duga bersama PERKESO dan tidak memberi pemakluman awal kepada PERKESO sekiranya melaksanakan temu duga secara inisiatif sendiri.

# PENGIKLANAN MYFUTUREJOBS BAGI PENGGAJIAN PEGAWAI DAGANG (EKSPATRIAT)

DI SEMENANJUNG MALAYSIA DAN WILAYAH PERSEKUTUAN



## 14 Berapa tempoh sah laku surat perakuan pengiklanan MYFutureJobs yang dikeluarkan oleh PERKESO?

- Tempoh sah laku Surat Perakuan Pengiklanan MYFutureJobs adalah **selama enam (6) bulan** daripada tarikh surat tersebut dikeluarkan. Sepanjang tempoh tersebut, majikan perlu mengambil tindakan segera dengan mengemukakan permohonan kepada pihak Agensi Pelulus yang berkaitan atau Jabatan Imigresen Malaysia.
- Sekiranya tempoh sah laku Surat Perakuan Pengiklanan telah tamat, majikan dikehendaki untuk membuat permohonan baharu seperti langkah yang dinyatakan pada Jawapan No. 10.

## 15 Adakah pertukaran nama jawatan dalam syarikat yang sama dikecualikan daripada pengiklanan semula?

- Sebarang pertukaran nama jawatan, samada dengan atau tanpa perubahan skop tugas tetap perlu melalui proses pengiklanan semula di Portal MYFutureJobs selama tujuh (7) hari berserta langkah yang dinyatakan pada Jawapan No. 10.
- Majikan hendaklah merujuk kepada Agensi Pelulus yang berkaitan atau Jabatan Imigresen Malaysia bagi proses dan prosedur pertukaran nama jawatan.

## 16 Adakah semua permohonan pengisian jawatan oleh ekspatriat perlu melalui Agensi Pelulus?

- Ya.** Semua permohonan pengisian jawatan oleh ekspatriat perlu melalui Agensi Pelulus yang berkaitan dan seterusnya melalui Jabatan Imigresen Malaysia untuk mendapatkan Pas Penggajian (*Employment Pass*).
- Pihak syarikat perlu melalui proses pengiklanan di Portal MYFutureJobs dan pada masa yang sama pihak syarikat boleh mengemukakan permohonan kepada Agensi Pelulus melalui ESD (*Xpats Gateway*). Namun, pihak majikan digalakkan membuat perancangan pengiklanan awal bagi mendapat Surat Perakuan Pengiklanan.

## 17 Adakah pengiklanan semula jawatan perlu dilaksanakan bagi lanjutan pas penggajian?

- Tidak.** Bagi tujuan lanjutan Pas Penggajian, majikan tidak perlu mengiklankan semula jawatan kosong yang pernah diluluskan dan tidak perlu melaksanakan semula proses temu duga.
- Majikan boleh terus mengemukakan permohonan lanjutan tersebut kepada Jabatan Imigresen Malaysia.

# PENGIKLANAN MYFUTUREJOBS BAGI PENGGAJIAN PEGAWAI DAGANG (EKSPATRIAT)

DI SEMENANJUNG MALAYSIA DAN WILAYAH PERSEKUTUAN



## 18 Adakah majikan boleh mengemukakan rayuan sekiranya permohonan tidak disokong?

- Ya. Majikan boleh membuat rayuan sekiranya majikan telah mengambil langkah-langkah yang dinyatakan seperti di **Jawapan No. 10**.
- Rayuan boleh dikemukakan melalui e-mel ke alamat [papd@perkeso.gov.my](mailto:papd@perkeso.gov.my)
- Dokumen bagi permohonan rayuan yang perlu dikemukakan boleh dirujuk seperti di **Lampiran 6**.

## 19 Adakah sektor kerajaan juga perlu mengiklankan kekosongan jawatan di Portal MYFutureJobs jika ingin melaksanakan penggajian ekspatriat?

- Ya. Semua jabatan dan agensi dalam sektor kerajaan termasuk Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun dikehendaki mengiklankan kekosongan jawatan di Portal MYFutureJobs sebelum melaksanakan penggajian ekspatriat.
- Jawatan-jawatan yang dikecualikan daripada pengiklanan adalah seperti di **Jawapan No. 20**.

## 20 Apakah jenis jawatan yang dikecualikan secara automatik daripada pelaksanaan pengiklanan ini?

### i. Jawatan Penting (C-Suite & Key Post)

Ekspatriat yang bekerja untuk jawatan utama organisasi (*key post*) seperti Ketua Pegawai Eksekutif, Pengarah Operasi dan setaraf.

### ii. Jawatan Bergaji RM15,000 dan ke atas

Ekspatriat yang berpendapatan / bergaji pokok bulanan sebanyak RM15,000 dan ke atas.

### iii. Representative Office/ Regional Office (RERO)

Pejabat Perwakilan/Pejabat Serantau bagi syarikat/ organisasi luar negara dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan adalah pejabat yang ditubuhkan di Malaysia untuk melaksanakan aktiviti bagi pihak ibu pejabat syarikat/organisasi. Pejabat Perwakilan/Pejabat Serantau tidak terlibat dalam sebarang aktiviti komersial. Bagi operasi Pejabat Perwakilan/Pejabat Serantau, majikan tidak perlu berdaftar di bawah Akta Syarikat 1965. Surat kelulusan/pengesahan MIDA adalah diperlukan bagi permohonan jawatan ekspatriat di bawah kategori ini.

### iv. Pelabur/ Pemegang Saham/ Pemilik

Pelabur/Pemegang Saham/Pemilik syarikat yang terlibat secara langsung dalam operasi syarikat. Pelabur adalah individu yang melaburkan dana di Malaysia untuk mendapatkan pulangan pelaburan. Pemegang saham pula hendaklah memegang sekurang-kurangnya 30 peratus (%) ekuiti saham dilantik sebagai Pengarah Syarikat dan/atau memegang jawatan berkepentingan dalam syarikat.

# PENGIKLANAN MYFUTUREJOBS BAGI PENGGAJIAN PEGAWAI DAGANG (EKSPATRIAT)

DI SEMENANJUNG MALAYSIA DAN WILAYAH PERSEKUTUAN



## v. Pemindahan Korporat/ Penempatan/ Perjanjian Perdagangan

Bagi kategori ini, pekerja ditugaskan oleh syarikat induk bekerja di syarikat cawangan di Malaysia atau kumpulan syarikat yang bertujuan untuk tujuan latihan/ pertukaran/ perkongsian pengetahuan/ pengalaman antara syarikat, dan untuk memenuhi keperluan tenaga kerja syarikat.

## vi. Pertubuhan Antarabangsa

Organisasi yang tertakluk di bawah Akta Organisasi Antarabangsa (Keistimewaan dan Kekebalan) (Akta 485) boleh melantik *Foreign Recruited Staff (FRS)* daripada warganegara asing.

## vii. Sektor Sukan

Pengambilan atlet/ profesional untuk menyertai mana-mana organisasi/ kelab sukan di dalam negara.

## viii. Pembaharuan Pas Penggajian

Pemegang Pas Penggajian ekspatriat di Malaysia layak untuk memperbaharui pas sekiranya mereka memenuhi kriteria yang ditetapkan. Sekiranya tiada perubahan pada nama jawatan, kelayakan akademik, gaji dan skop pekerjaan, majikan boleh terus berurus dengan **Jabatan Imigresen Malaysia** bagi tujuan permohonan lanjutan tempoh pas penggajian.

## 21 Adakah jawatan yang dikecualikan secara automatik masih memerlukan Surat Perakuan Pengiklanan?

- **Tidak.** Bagi jawatan yang diberikan pengecualian secara automatik, majikan tidak perlu mendapatkan sebarang dokumen atau surat sokongan daripada PERKESO. Majikan boleh terus mengemukakan permohonan kepada Agensi Pelulus yang berkaitan dan Jabatan Imigresen Malaysia.

## 22 Adakah pengiklanan di Portal MYFutureJobs terpakai bagi permohonan penggajian pekerja bukan pemastautin, pekerja asing atau ekspatriat di negeri Sabah dan Sarawak?

- **Ya.** Pengiklanan di Portal MYFutureJobs juga perlu dilaksanakan oleh majikan yang ingin menggajikan pekerja bukan pemastautin, pekerja asing atau ekspatriat di negeri Sabah dan Sarawak.
- Walau bagaimanapun, majikan perlu merujuk Jabatan Tenaga Kerja dan Jabatan Imigresen di negeri masing-masing ada di Sabah atau Sarawak bagi mendapatkan panduan lanjut berkenaan prosedur permohonan penggajian pekerja bukan pemastautin, pekerja asing atau ekspatriat.
- Untuk maklumat lanjut, sila rujuk soalan-soalan lazim di Laman Web Rasmi PERKESO.

**Soalan Lazim Bil. 1 Tahun 2025 adalah berkuat kuasa mulai 1 JULAI 2025. Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Pegawai Perkhidmatan Pelanggan PERKESO di talian 1-300-22-8000/03-8091-5300 atau e-mel kepada [papd@perkeso.gov.my](mailto:papd@perkeso.gov.my)**

**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)**

**1 JULAI 2025**

**MYFutureJobs**

# PENGIKLANAN MYFUTUREJOBS BAGI PENGGAJIAN PEGAWAI DAGANG (EKSPATRIAT)

DI SEMENANJUNG MALAYSIA DAN WILAYAH PERSEKUTUAN



## LAMPIRAN 1

 <b>MYFutureJobs</b> Your National Employment Services Provider		LAPORAN PENGAMBILAN PEKERJA TEMPATAN							
<i>Nota: Laporan ini perlu dihantar selepas tamat tempoh pengiklanan minimum 14 hari</i>									
A.	Nama Jawatan (seperti yang diiklankan)								
B.	Nama Majikan								
C.	No Pendaftaran Syarikat (SSM/ROB/ROC dll)								
D.	No Kod Majikan (Sekiranya Ada)								
E.	No Telefon Majikan								
F.	Emel Majikan								
G.	Tarikh & Masa Temuduga								
H.	Lokasi Temuduga								
I.	Pautan Pengiklanan								
BIL	No Kad Pengenalan Malaysia	Nama Calon	No Telefon	Emel	Jantina	Tahap Pendidikan	Keputusan	Ulasan (Sebab Gagal)	
1									
2									
3									
4									
5									
6									
7									
8									
9									
10									

Sila sambung di tab seterusnya

Saya membuat akuan ini dengan kepercayaan bahawa apa-apa yang tersebut di dalamnya adalah benar dan betul. Saya sesungguhnya faham sekiranya apa-apa maklumat yang saya berikan atau pengesahan akuan ini adalah tidak benar, tidak betul atau palsu, boleh menyebabkan kelewatan permohonan ini diproses atau permohonan boleh ditolak.

PENGESAHAN MAJIKAN		PENGESAHAN PEGAWAI PERKESO	
TANDATANGAN		TANDATANGAN	
Nama		Nama	
Jawatan		Jawatan	
Tarikh		Tarikh	
Cop Syarikat		Cop PEGAWAI	

### Nota:

- Borang ini perlu diisi menggunakan format Excel yang boleh dimuat turun melalui laman web PERKESO.
- Pihak majikan perlu melengkapkan butiran di semua bahagian (A hingga I).
- Majikan perlu menyenaraikan semua calon yang telah ditemu duga di dalam senarai ini.
- Borang ini perlu ditandatangani berserta cop rasmi syarikat oleh Ketua Pegawai Eksekutif / Pengarah Urusan / Pengurus Besar / Pengurus

# PENGIKLANAN MYFUTUREJOBS BAGI PENGGAJIAN PEGAWAI DAGANG (EKSPATRIAT)

DI SEMENANJUNG MALAYSIA DAN WILAYAH PERSEKUTUAN

**LAMPIRAN 2**

BIL	PEGAWAI KEY ACCOUNT MAJIKAN	ALAMAT E-MEL <a href="mailto:@perkeso.gov.my">@perkeso.gov.my</a>	NEGERI
1.	Abdul Hafidz Bin. Othman	hafidz.othman	SEmenanjung
2.	Murni Faezah Binti. Jalaluddin	faezah.jalaluddin	
3.	Jasminerah Binti. Abdul Jalil	jasminerah.jalil	
4.	Noor Syazeera Binti. Shahbudin	syazeera.shahbudin	
5.	Nurathikah Binti. Khalid	nurathikah.khalid	
6.	Nur Iqlima Afifah Binti. Mohd Noor	afifah.noor	
7.	Muhammad Afiq Bin. Mohd Shahar	afiq.shahar	
8.	Hazirah Binti. Hassan Hamdani	hazirah.hamdani	
9.	Y Kavita A/P. V Yoganathan	y.kavita	
10.	Nur Diana Binti. Wahid	diana.wahid	
11.	Nurul Nailah Binti. Zailani	nailah.zailani	
12.	Khairul 'Ammar Hashim	ammar.hashim	
13.	Muhammad Ikhwan Bin. Ismail	ikhwan.ismail	
14.	Nurul Fatnin Aisyah Bt. Razali	fatnin.razali	
15.	Khadijah Binti Azizan	khadijah.azizan	
16.	Shahrul Akmal Bin Sharifudin	akmal.sharifudin	
17.	Theevindran A/L Kesavan	k.theevindran	
18.	Mohamad Haziq Bin. Mohd Noh	haziq.noh	
19.	Faiz Izuddin Bin. Mohd Yatim	izuddin.yatim	
20.	Yasmin Yusnida Binti Abd Razak	yusnida.razak	
21.	Nor Ainn Balqis Binti. Kalam	balqis.kalam	
1.	Glory Maclean	glory.maclean	SABAH
2.	Muhammad Hisyam Bin Amiruddin	hisyam.amiruddin	
3.	Jumadia Binti Tai Sin Yu	jumadia.yu	
1.	Mohamad Nazirul Hafiz Bin. Mohamad Yakub (Kuching)	hafiz.yakub	SARAWAK
2.	Nudra Shafini Binti Mohd Nazari (Kuching)	shafini.nazari	
3.	Diana Anak Albert (Sibu)	diana.albert	
4.	Nur Hazirah Binti. Anyut (Miri)	hazirah.anyut	
5.	Baxter Ryan Anak Adrick Bangun (Bintulu)	ryan.adrick	

# PENGIKLANAN MYFUTUREJOBS BAGI PENGGAJIAN PEGAWAI DAGANG (EKSPATRIAT)

DI SEMENANJUNG MALAYSIA DAN WILAYAH PERSEKUTUAN

**LAMPIRAN 3****SENARAI PUSAT MYFUTUREJOBS**

BIL.	NEGERI	ALAMAT
1.	Kuala Lumpur	Pejabat PERKESO W.P. Kuala Lumpur No. 155, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur
2.	Selangor/ Putrajaya	Pejabat PERKESO Negeri Selangor Lot 141, Seksyen 6, Jalan Selangor, 46990 Petaling Jaya, Selangor
3.	Negeri Sembilan	Pejabat PERKESO Negeri Sembilan Lot 3757, Lot 52, Jalan Sg. Ujong, 70000 Seremban, Negeri Sembilan
4.	Melaka	Pejabat PERKESO Negeri Melaka Jalan Persekutuan MITC, Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka
5.	Johor	Pejabat PERKESO Negeri Johor No. 26, Jalan Susur 5, Off Jalan Tun Abdul Razak, Larkin, 80200 Johor Bahru, Johor
6.	Pahang	Pejabat PERKESO Negeri Pahang Jalan Mat Kilau, 25000 Kuantan, Pahang
7.	Terengganu	Pejabat PERKESO Negeri Terengganu Lot 2467, Jalan Air Jernih, 20538 Kuala Terengganu, Terengganu
8.	Kelantan	Pejabat PERKESO Negeri Kelantan PT 304 - 307, Seksyen 22, Jalan Kota Darul Naim, 15538 Kota Bharu, Kelantan
9.	Perak	Pejabat PERKESO Negeri Perak No. 83, Jalan Hospital, 30450 Ipoh, Perak

# PENGIKLANAN MYFUTUREJOBS BAGI PENGGAJIAN PEGAWAI DAGANG (EKSPATRIAT)

DI SEMENANJUNG MALAYSIA DAN WILAYAH PERSEKUTUAN



10.	Kedah/ Perlis	Pejabat PERKESO Negeri Kedah Lot. 186, Jalan Teluk Wanjah, 05538 Alor Setar, Kedah
11.	Pulau Pinang	Pejabat PERKESO Negeri Pulau Pinang No. 3012, Lebuh Tenggiri 2, 13700 Seberang Jaya, Perai, Pulau Pinang
12.	Sarawak	Pejabat PERKESO Negeri Sarawak Lot 436, Section 54, No. 52 Travillion Commercial Centre, Jalan Padungan, 93100 Kuching, Sarawak
13.	Sabah	Pejabat PERKESO Negeri Sabah No. 11, Lorong Sempelang, Tanjung Aru, 88100 Kota Kinabalu, Sabah

Senarai penuh Pejabat-Pejabat PERKESO di seluruh negara boleh dilayari di pautan berikut: <https://www.perkeso.gov.my/hubungi-kami/pejabat-perkeso-new/ppn-ppp.html>

# PENGIKLANAN MYFUTUREJOBS BAGI PENGGAJIAN PEGAWAI DAGANG (EKSPATRIAT)

DI SEMENANJUNG MALAYSIA DAN WILAYAH PERSEKUTUAN



## LAMPIRAN 4

### SENARAI AGENSI PELULUS

NO	SEKTOR	AGENSI
1	Sektor Pembuatan dan Sektor Perkhidmatan Terpilih	Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)
2	Perkhidmatan Kewangan (Institusi Berlesen, Regulatee Perkhidmatan Pembayaran dan Pejabat Wakil)	Bank Negara Malaysia (BNM)
3	Pasaran Sekuriti dan Derivatif	Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC)
4	Syarikat yang Beroperasi di Pantai Timur	Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC)
5	Penjagaan Kesihatan (Bidang: Perubatan Tradisional dan Komplementari)	Bahagian Perubatan Tradisional & Komplementari, Kementerian Kesihatan (KKM)
6	Pelancongan	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC)
7	Bioteknologi dan Sektor Berasaskan Bio	Perbadanan Pembangunan Bioekonomi Malaysia (Bioeconomy Corporation)
8	Penerbangan	Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM)
9	Pembinaan	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)
10	Pendidikan	Kementerian Pendidikan (KPM)
11	Perlombongan, Kuari & Pemprosesan Mineral	Jabatan Mineral & Geosains (JMG)
12	Organisasi Berkaitan Wanita, Keluarga & Pembangunan Komuniti	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat (KPWKM)
13	Sukan	Majlis Sukan Negara (MSN)
14	Bola Sepak	Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM)
15	Penyiaran	Radio Televisyen Malaysia (RTM), Kementerian Komunikasi & Digital (KKD)
16	Penjagaan Kesihatan (Bidang: Kejururawatan)	Lembaga Jururawat Malaysia, Kementerian Kesihatan (KKM)
17	Penjagaan Kesihatan (Bidang: Sains Kesihatan Bersekutu)	Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu, Kementerian Kesihatan (KKM)
18	Industri Filem	Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)
19	Senibina	Lembaga Arkitek Malaysia (LAM)
20	Aktiviti Ekuin	Persatuan Ekuin Malaysia (EAM)
21	Lumba Kuda	Persatuan Lumba Kuda Melayu (MRA)
22	Tanaman, Ternakan dan Akuakultur	Kementerian Pertanian & Kesejahteraan Makanan Malaysia (MAFS)
23	Syarikat yang Beroperasi dalam Wilayah Iskandar	Pihak Berkuasa Pembangunan Wilayah Iskandar (IRDA)
24	Pendidikan Tinggi	Kementerian Pengajian Tinggi (MOHE)
25	Syarikat yang Beroperasi dalam Wilayah Iskandar	Pihak Berkuasa Pembangunan Wilayah Iskandar (IRDA)

# PENGIKLANAN MYFUTUREJOBS BAGI PENGGAJIAN PEGAWAI DAGANG (EKSPATRIAT)

DI SEMENANJUNG MALAYSIA DAN WILAYAH PERSEKUTUAN



## LAMPIRAN 5



KEMENTERIAN  
SUMBER MANUSIA

### PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL

MENARA PERKESO PUTRAJAYA

8, LEBUH WAWASAN, PRESINT 2, 62100

WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

Telefon: 1300-22-8000 E-mel:papd@perkeso.gov.my



Tarikh :21 Ogos 2024

Rujukan Kami : XXXXXX  
 Nama Syarikat : XXXXXXXX  
 Kod Majikan PERKESO : XXXXXX  
 No. Pendaftaran Syarikat : XXXXXX  
 Perakuan Sah Sehingga : 21 Januari 2025

Tuan/puan

### PERAKUAN PENGIKLANAN KEKOSONGAN JAWATAN DALAM PORTAL MYFUTUREJOBS DAN TEMU DUGA PENCARI KERJA TEMPATAN

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada permohonan daripada majikan mengenai perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan penggajian ekspatriat yang berjawatan XXXXXX adalah **DISOKONG** kerana majikan telah mengiklankan jawatan di Portal MYFutureJobs dan melaksanakan aktiviti pencarian pekerja tempatan seperti berikut:

No	Perkara	Butiran
1	Nama Jawatan	XXXXXX
2	Jumlah Kekosongan	1
3	Pautan Iklan MYFutureJobs	
4	Jumlah Sesi Temu Duga	sesi
5	Jumlah Calon Temu Duga	1 calon
6	Status temu duga	0 calon berjaya

3. Sehubungan dengan itu, pihak majikan boleh mengemukakan permohonan bagi penggajian ekspatriat kepada Agensi Pelulus yang berkaitan untuk pertimbangan dalam tempoh sah laku perakuan ini. Keputusan akhir bagi penggajian ekspatriat dan pas penggajian ekspatriat adalah tertakluk dengan penilaian oleh jawatankuasa di peringkat Agensi Pelulus dan Bahagian Khidmat Ekspatriat, Jabatan Imigresen Malaysia.

4. Sekian untuk perhatian dan tindakan pihak tuan/ puan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

### "BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN  
PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL**

s.k.

- 1) Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia
- 2) Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia
- 3) Pengarah Bahagian Khidmat Ekspatriat Jabatan Imigresen Malaysia
- 4) Ketua Pejabat Sistem Insurans Pekerjaan Pertubuhan Keselamatan Sosial



(Surat ini adalah melalui cetakan komputer dan tidak memerlukan tandatangan)

# PENGIKLANAN MYFUTUREJOBS BAGI PENGAJIAN PEGAWAI DAGANG (EKSPATRIAT)

DI SEMENANJUNG MALAYSIA DAN WILAYAH PERSEKUTUAN



## LAMPIRAN 6

### SENARAI SEMAK DOKUMEN BAGI PERMOHONAN RAYUAN

SENARAI SEMAK DOKUMEN BAGI PERMOHONAN RAYUAN			
Bil	Perkara	Dokumen Lampiran (Untuk Kegunaan Pegawai PAPD)	
		Ada	Tiada
1	Surat Rasmi Permohonan Rayuan berserta justifikasi penggajian pegawai dagang <i>(Sertakan lampiran)</i>		
2	Nyatakan jumlah kuota yang diberikan oleh Agensi Pelulus (AP)/Agensi Kawal Selia (AKS) <i>(Sertakan bukti lampiran sekiranya ada)</i>		
3	Nyatakan jumlah bilangan bagi kategori penggajian seperti berikut:  Pekerja Tempatan : Pegawai Dagang / Pekerja Asing :		
4	Nyatakan tempoh perkhidmatan Pegawai Dagang yang telah diluluskan oleh Xpats Gateway <i>(Sertakan bukti lampiran)</i>		
5	Nyatakan pelan pemindahan pengetahuan dan teknologi ATAU pelan penggantian pegawai dagang kepada bakat tempatan <i>(Sertakan bukti lampiran sekiranya ada)</i>		
6	Kemukakan lampiran Carta Organisasi Syarikat <i>(Merujuk kepada penjawatan pegawai dagang yang dimohon)</i>		
7	Nyatakan jenis mesin/jentera yang digunakan <i>(Sertakan bukti gambar mesin/jentera DAN Invois pembelian mesin/jentera -Tertakluk kepada industri perkilangan dan pembinaan sahaja)</i>		
8	Nyatakan kepakaran ATAU kemahiran yang diperlukan bagi jawatan yang dimohon.		
9	Nyatakan status pegawai dagang yang hendak digajikan sama ada <b>Pengekalan Sedia Ada</b> (Pembaharuan Pas Penggajian Pegawai Dagang) ATAU <b>Penggantian Pegawai Dagang</b> (Penggajian Baru Pegawai Dagang)		
10	Nyatakan sekiranya berlaku perluasan perniagaan <i>(Expansion of Business)</i> .		
11	Adakah pihak majikan terlibat dengan sebarang Projek Khas atau Projek Kerajaan <i>(Sertakan bukti lampiran Letter of Awards LOA sekiranya berkaitan)</i>		
12	Nyatakan status TIER ATAU penarafan SETARA institusi pendidikan (IPTS/International School) <i>(Sertakan bukti lampiran - Tertakluk kepada industri pendidikan sahaja)</i>		
13	Surat Perakuan yang "Tidak Disokong" bagi jawatan yang dimohon untuk permohonan rayuan <i>(Sertakan lampiran)</i>		

### FORMAT E-MEL KEPADA PERKESO BAGI PERMOHONAN RAYUAN

Subjek e-mel : RAYUAN 20XX : Permohonan Rayuan : Nama Majikan - nama jawatan

Contoh - RAYUAN 2024 : Permohonan Rayuan : ABC Sdn Bhd - Software Developer

# PENGIKLANAN MYFUTUREJOBS BAGI PENGGAJIAN PEGAWAI DAGANG (EKSPATRIAT)

DI SEMENANJUNG MALAYSIA DAN WILAYAH PERSEKUTUAN



## LAMPIRAN 7

### SENARAI PEGAWAI PERKESO BAGI BANTUAN TEMU DUGA BERSAMA PERKESO KETUA NEGERI

BIL	NAME	STATE	EMAIL
1	MOHD FIRDAUS BIN ZAINAL ABIDIN	JOHOR	firdaus.abidin@perkeso.gov.my
2	LINGGESWARAN A/L PANIRSELVAM	KEDAH	p.linggeswaran@perkeso.gov.my
3	AHMAD FARID BIN AHMAD RIZAL	KL	farid.rizal@perkeso.gov.my
4	FADZLI BIN SHAFIEE	MELAKA	<a href="mailto:fadzli.shafiee@perkeso.gov.my">fadzli.shafiee@perkeso.gov.my</a>
5	KHAIRIL FAHMI SAFWAN BIN KHAIRUDDIN	NEGERI SEMBILAN	fahmi.khairuddin@perkeso.gov.my
6	MUHAMMAD FARIS BIN AHMAD FAUZANI	PAHANG	faris.fauzani@perkeso.gov.my
7	FARIS BIN MOHD ZAKHUAH	PERAK	faris.zakhuan@perkeso.gov.my
8	MUHAMMAD NAZRI BIN IBNI HAJAR	PERLIS	nazri.hajar@perkeso.gov.my
9	MOHAMED ZULHABRI BIN ADBUL HALIM	PULAU PINANG	zulhabri.abdulhalim@perkeso.gov.my
10	FLORENCE BINTI BLASIUS	SABAH	florence.blasius@perkeso.gov.my
11	MELVIN LAI JINHER	SARAWAK	melvin.jinher@perkeso.gov.my
12	AFIFAH NASUTION BINTI SULFAN SYAH	SELANGOR	afifah.sulfan@perkeso.gov.my
13	MUHAMMAD YUNUS BIN MUDA	TERENGGANU	yunus.muda@perkeso.gov.my
14	MOHD SHAHRILL RIZA BIN MOHD FADZILAH	KELANTAN	<a href="mailto:riza.fadzilah@perkeso.gov.my">riza.fadzilah@perkeso.gov.my</a>

# PENGIKLANAN MYFUTUREJOBS BAGI PENGGAJIAN PEGAWAI DAGANG (EKSPATRIAT)

DI SEMENANJUNG MALAYSIA DAN WILAYAH PERSEKUTUAN



## LAMPIRAN 7

### SENARAI PEGAWAI PERKESO BAGI BANTUAN TEMU DUGA BERSAMA PERKESO TEAM LEAD

Bil	NAME	STATE	EMAIL
1	CINDY WONG	JOHOR	cindy.wong@perkeso.gov.my
2	FAHRUDDIN BIN MUSTAFAL BAKRI	JOHOR	fahrudin.bakri@perkeso.gov.my
3	MUHAMAD ALIFFARIS BIN AB HALIM	KEDAH	aliffaris.halim@perkeso.gov.my
4	NUR JAWAHIR BINTI ABDUL RAHIM @ MOHD	KELANTAN	jawahir.mohd@perkeso.gov.my
5	NURUL FATIMAH BINTI ABDUL RAZAK	KL	fatimah.razak@perkeso.gov.my
6	NUR FADILLAH BINTI KAMAL KHAN	KL	fadillah.khan@perkeso.gov.my
7	NUR NABIL FIKRI BIN ABDULLAH	MELAKA	nabil.abdullah@perkeso.gov.my
8	SOPANA PALINISAMY	NEGERI SEMBILAN	sopana.palinisamy@perkeso.gov.my
9	SYAZWANI BINTI MOHD TAJUDIN	PAHANG	syazwani.tajudin@perkeso.gov.my
10	TINAKARAN A/L. KRISHNAN	PERAK	k.tinakaran@perkeso.gov.my
11	AIN FARHANIM BINTI AZIZAN	PERAK	farhanim.azizan@perkeso.gov.my
12	WAN NOOR ALYANI BINTI KAMARUDDIN	PULAU PINANG	alyani.kamaruddin@perkeso.gov.my
13	WILLIAM A/L IGNACY	PULAU PINANG	william.ignacy@perkeso.gov.my
14	KHAIRUL BIN KARNAWI	SABAH	khairul.karnawi@perkeso.gov.my
15	VITORINA MOSIBIN	SABAH	vitorina.mosibin@perkeso.gov.my
16	ROWYNA BLAIR ANAK ROGERS	SARAWAK	rowyna.rogers@perkeso.gov.my
17	SITI NURKHAIRUNNISA BINTI AFFANDI	SARAWAK	nurkhairunnisa@perkeso.gov.my
18	NIK MOHD ADHAM BIN. CHE ZAINUDDIN	SELANGOR	adham.zainuddin@perkeso.gov.my
19	AARON DAVIDRAJ A/L RAVINDRAN VISVARAM	SELANGOR	r.aaron@perkeso.gov.my
20	NADIAH BINTI JOHARI	TERENGGANU	nadiyah.johari@perkeso.gov.my